

18/01/1997

MSC: Panel penasihat beri sokongan padu

Mustapha Omar in Santa Clara

SANTA CLARA, Jumaat - Anggota panel penasihat antarabangsa (IAP) bagi Koridor Raya Multimedia (MSC) yang bertemu pertama kali di sini hari ini, menunjukkan sokongan padu kepada pelaksanaan projek itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mereka yang hadir juga menunjukkan minat mendalam, menyertai secara serius dalam perbincangan dan memberikan komitmen untuk menyertai pembangunan MSC.

"Saya puas hati dengan keikhlasan dan komitmen yang diberikan oleh mereka dan berdasarkan sokongan itu, saya yakin MSC akan berjaya," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pertama panel itu di Universiti Stanford, Palo Alto, dekat sini.

Mesyuarat itu adalah kemuncak lawatan Perdana Menteri selama seminggu ke Amerika Syarikat sejak Ahad lalu. Seramai 24 anggota panel hadir dalam mesyuarat itu termasuk Pengarah Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Mereka adalah tokoh dan pemimpin syarikat multinasional dalam bidang teknologi maklumat (IT) dari Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Eropah.

Bagaimanapun, enam lagi tokoh yang bersetuju menganggotai panel berkenaan tidak dapat hadir termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Microsoft Corporation, Bill Gates dan Ketua Pegawai Eksekutif IBM, Louis Gerstner.

Dr Mahathir berkata, anggota panel yang hadir tidak membangkitkan apa-apa masalah sebaliknya mengemukakan pelbagai pendapat dan nasihat berguna kepada kerajaan bagi pembangunan MSC.

"Mereka berpendapat ada beberapa kelebihan dalam MSC, termasuk projek itu dianggap sebagai yang pertama dibuat begitu menyeluruh, selain mendapat sokongan kuat kerajaan."

"Sokongan seperti itu memang tidak ada di tempat lain. Oleh itu mereka yakin MSC adalah satu projek yang baik dan berjanji akan memberi komitmen sepenuhnya," katanya.

Perdana Menteri berkata, apa yang menjadi kebimbangan mereka hanyalah kemungkinan kekurangan tenaga kerja mahir dan bagaimana cara memasarkan barangan ke negara jiran.

Menjawab soalan wartawan, Dr Mahathir berkata banyak cadangan dikemukakan oleh anggota panel membabitkan soal undang-undang, infrastruktur, dasar, tenaga kerja, cukai dan insentif untuk pengusaha industri kecil dan sederhana (SMI).

"Walaupun kerajaan tidak bercadang menukar sebarang perancangan yang sedia ada, cadangan tetap diterima dan jika ada perubahan sekali pun, ia hanya membabitkan perkara kecil," katanya.

Ditanya apakah MSC mendapat sokongan semua pihak di Malaysia, Perdana Menteri berkata perkara itu tidak timbul kerana setakat ini tiada bantahan. Kerajaan sudah memberi penjelasan lengkap dan berjaya meyakinkan semua pihak.

"Kita juga tidak bimbang dengan saingan dari luar kerana kita sudah bersedia menghadapi sebarang risiko. Kita yakin kita berada dalam keadaan yang selamat," katanya.

Dr Mahathir berkata, anggota panel juga bersetuju untuk mengadakan pertemuan kedua di Malaysia pada Januari tahun depan, selain mengadakan pertemuan tidak rasmi secara berasingan dari semasa ke semasa.

"Kita akan berjumpa lagi untuk mengkaji semula hasil perbincangan yang sudah dibuat. Selain itu, kita akan terus berhubung di antara satu sama

lain melalui e-mail," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, jumlah anggota panel sekarang sudah mencukupi dan jika ditambah sekali pun, ia hanya membabitkan bilangan kecil.

Menjawab soalan wartawan asing apakah penubuhan panel penasihat itu bertujuan mendapatkan sokongan kewangan daripada syarikat multinasional terbabit, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak pernah meminta bantuan kewangan.

"Bagaimanapun, jika berminat untuk membantu, mereka boleh menyumbang dalam bentuk tenaga mahir kerana MSC memerlukan ramai tenaga mahir bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar," katanya.

(END)